

UMS hasilkan ayam 'Tongkat Ali', lebih pejal, kurang lemak

[Izwan Abdullah](#)

am@hmetro.com.my



Dr Rosalam (kanan) bersama Pengarah Urusan Petrogaya Sdn Bhd, Mazali Rajang (dua kanan) dan Pengarah Pusat Pengurusan Inovasi dan Pengkomersialan UMS, Prof Madya Dr Jidon @Adrian Janaun (tengah) menunjukkan produk A-yamli keluaran UMS. FOTO ihsan UMS

Kota Kinabalu: Universiti Malaysia Sabah (UMS) tampil dengan inovasi baharu pengeluaran ayam pedaging komersial dengan menggunakan ekstrak Tongkat Ali sebagai sebahagian daripada diet makanannya.

Dengan menggunakan jenama 'A-yamli', daging ayam daripada inovasi itu yang dimulakan kajiannya pada 2011, dikatakan lebih sihat kerana kurang lemak dan tidak bergantung kepada penggunaan antibiotik dan vaksin.

Timbalan Naib Canselor Penyelidikan dan Inovasi UMS Prof Dr Rosalam Sarbatly berkata, menerusi kajian dan fasa pra-pengkomersialan di lapangan, ekstrak Tongkat Ali terbukti dapat menjadikan ayam pedaging lebih aktif.

"Hasil kajian juga mendapati bahawa kandungan protein pada ayam pedaging ini lebih tinggi manakala lemaknya pula kurang.

"Penggunaan ekstrak Tongkat Ali kepada ayam pedaging ini juga menyebabkan isi atau daging ayam lebih pejal dan mempunyai rasa yang tersendiri," katanya pada pelancaran produk A-yamli di sebuah pasar raya di Penampang dekat sini, baru-baru ini.

Beliau berkata, semua ujian dan pra-pengkomersialan dilakukan di Sabah dan Brunei Darussalam yang akhirnya membawa kepada pengkomersialan A-yamli.

Katanya, produk A-yamli sebelum ini juga pernah dinobatkan sebagai pemenang pingat emas pada pertandingan inovasi di 'Seoul International Invention Fair' 2013.

Beliau berkata, penghasilan produk berkenaan adalah hasil kerjasama UMS dengan syarikat Petrogaya Sdn Bhd dalam pengkomersialannya.

"Sebagai hala tuju dan kelestarian, UMS juga sentiasa memantau keberkesanan projek pengkomersialan ini melalui syarikat milikan penuh universiti iaitu UMS Investment Holdings Sdn Bhd.

"Produk ayam premium A-yamli kini boleh diperolehi di pasar raya Pick N Pay Plaza 333, Penampang.

"Syabas dan tahniah saya ucapkan kepada penyelidik Fakulti Perhutanan Tropika (FPT) Ag Ahmad Mohd Yunus atas kejayaan menghasilkan inovasi yang berimpak tinggi ini," katanya.

Disiarkan pada: Ogos 16, 2022 @ 1:30pm